



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
(MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE MALAYSIA)**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel :603-8000 8000
Faks :603-8891 7100
Portal Rasmi :www.motac.gov.my

MOTAC.600-4/2/11101 ()

30 OGOS 2023

Pengarah Urusan

TUNE TOURS & SERVICES SDN. BHD.
d/a NJ MANAGEMENT & SERVICES
NO.3A, TINGKAT 1, MASGENUINE SQUARE,
JLN MELATI-BUKIT RAHMAN PUTRA,
47000, SUNGAI BULOH
SELANGOR

Tuan,

PERMOHONAN LESEN BAHARU PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI, LUAR NEGERI (KECUALI UMRAH DAN ZIARAH) & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN : TUNE TOURS & SERVICES SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Pesuruhjaya Pelancongan telah bersetuju untuk **MELULUSKAN** permohonan lesen baharu Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan syarikat tuan seperti yang berikut:

Lokasi : SUNGAI BULOH ; SELANGOR

Bidang :

- a) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri
- b) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri
- c) Perniagaan Agensi Pengembaraan

3. Sila ambil maklum bahawa kelulusan ini adalah **TERTAKLUK** kepada pematuhan syarat-syarat seperti di bawah:

3.1 Menyediakan pejabat dalam **tempoh enam bulan** daripada tarikh surat ini mengikut kriteria-kriteria seperti yang berikut:

**PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA PEMANGKIN PERPADUAN
NEGARA MAJU RAKYAT BERBUDAYA**



Malaysia
Truly Asia



INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN

PERMOHONAN LESEN BAHARU PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI, LUAR NEGERI (KECUALI UMSRAH DAN ZIARAH) & PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN: TUNE TOURS & SERVICES SDN. BHD.

- i. Keperluan keluasan ruang pejabat (**sila rujuk Lampiran A**);
 - ii. Struktur pejabat operasi Ibu Pejabat (HQ) adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap;
 - iii. Operasi syarikat HQ dan Cawangan **tidak berkongsi** dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan;
 - iv. Pejabat operasi syarikat mestilah di kawasan komersil dan bukan di rumah kediaman (tertakluk kepada kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan); dan
 - v. Permohonan pelanjutan tempoh penyediaan permis seperti yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.
- 3.2 Berdaftar sebagai ahli mana-mana persatuan agensi-agensi pelancongan dan pengembaraan yang diiktiraf oleh Pesuruhjaya Pelancongan. Senarai nama persatuan seperti di **Lampiran B**.
- 3.3 Menghadiri kursus *Travel And Tour Management Course* (TTMC). Sekurang-kurangnya seorang pengurusan tertinggi syarikat **wajib** menghadiri kursus ini. Pihak syarikat dikehendaki berurusan secara terus dengan pihak penganjur. Untuk maklumat lanjut dan Borang Pendaftaran kursus tersebut turut disertakan seperti di **Lampiran C**.
- 3.4 Mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang berikut:
- i. Salinan perjanjian penyewaan lokasi pejabat syarikat hendaklah sekurang-kurangnya untuk tempoh satu tahun atau salinan 'Sales and Purchase' (S&P) jika premis adalah milik syarikat;
 - ii. Lakaran pelan lantai pejabat;
 - iii. Gambar-gambar bahagian dalam dan luar pejabat; dan
 - iv. Sijil keahlian persatuan pelancongan atau resit pembayaran (jika sedang diproses).
4. Setelah syarat-syarat di perenggan 3 dipatuhi, syarikat tuan hendaklah **memaklumkan tarikh dan waktu** yang sesuai bagi tujuan pemeriksaan pejabat kepada:
- Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
NEGERI SELANGOR
TINGKAT 15-03, WISMA SUNWAYMAS
JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH C9/C
SEKSYEN 9
40000 SHAH ALAM
SELANGOR**
- (u.p.: Unit Pelesenan Pelancongan)**
5. Untuk makluman tuan, lesen dan pelekat perniagaan pengendalian pelancongan hanya akan dikeluarkan setelah pemeriksaan premis dilakukan dan diluluskan serta fi lesen sebanyak **RM 950.00 (Ringgit Malaysia: SEMBILAN RATUS LIMA PULUH SAHAJA)** dijelaskan. Pembayaran secara atas talian boleh dibuat melalui laman sesawang www.tourlist.gov.my atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan ke Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya SELANGOR**
6. Sebagai peringatan, pihak tuan dikehendaki untuk mematuhi perkara-perkara berikut :

- 6.1 Kelulusan ini akan **ditarik balik** sekiranya syarikat tuan gagal menyediakan pejabat dalam tempoh yang ditetapkan. **Surat kelulusan ini juga tidak boleh dianggap sebagai kebenaran untuk tuan memulakan perniagaan sebelum syarat-syarat di perenggan 2 hingga 5 dipatuhi.** Tindakan tegas di bawah Seksyen 5(3) Akta Industri pelancongan 1992 boleh diambil sekiranya didapati pihak tuan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.
- 6.2 Perubahan pemegang saham dan ahli lembaga pengarah **hanya dibenarkan selepas dua (2) tahun syarikat dilesenkan oleh Kementerian ini. Walaubagaimanapun, permohonan perubahan ahli lembaga pengarah dan pemegang saham bagi tujuan pertambahan atau pengurangan boleh dipertimbangkan dengan syarat ianya tidak menjejaskan struktur asal kelulusan yang telah diberikan.**
- 6.3 Lesen *Inbound / Outbound / Ticketing (IOT)* yang diluluskan ini tidak membolehkan syarikat menjalankan aktiviti perniagaan umrah. Bagi syarikat yang berminat untuk menawarkan pakej umrah, syarikat perlu mengemukakan permohonan tambah bidang Umrah atau Ziarah. Syarikat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta 482 jika didapati menjalankan aktiviti pelancongan di luar bidang yang dilesenkan. Pesuruhjaya Pelancongan juga berhak untuk membatalkan kelulusan lesen sedia ada jika pihak tuan gagal mematuhi peraturan di atas.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan Pelancongan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia

s.k. : **Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia**
SELANGOR